

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 6) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [Akta 378], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 6) 2003**.
- (2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2003.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“harta kediaman” termasuklah rumah, unit kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman;

“pemaju perumahan” ertinya pemaju perumahan yang berlesen di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [Akta 118];

“badan berkanun” ertinya badan yang diperbadankan di bawah undang-undang Negeri atau persekutuan;

“koperasi” ertinya koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [Akta 502] dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) yang ditubuhkan di bawah Akta 202;

“syarikat insurans” ertinya syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1996 [Akta 553].

Pengecualian

3. Surat cara yang berikut berhubung dengan pembelian harta kediaman yang berharga tidak melebihi RM180,000 seunit daripada pemaju perumahan atau badan

berkanun atau koperasi bagi Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan pada atau selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak lewat daripada 31 Mei 2004 adalah dikecualikan daripada duti setem:

- (a) Semua surat cara Perjanjian Jual Beli harta kediaman yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju perumahan atau badan berkanun atau koperasi pada atau selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak lewat daripada 31 Mei 2004.
- (b) Semua surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta kediaman itu daripada pemaju perumahan atau badan berkanun atau koperasi atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a).
- (c) Semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan atau syarikat insurans atau koperasi bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta kediaman itu.
- (d) Semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan untuk pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta kediaman itu.

Dibuat 29 Mei 2003

[Perb.CR(8.09)248/39/7-217(SJ.1); LHDN.01/34/42/68-180-1(12/03);
PN(PU2)159/XXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Menteri Kewangan Kedua

STAMP DUTY (EXEMPTION) (NO. 6) ORDER 2003

IN exercise of the powers conferred by subsection 80(1) of the Stamp Act 1949 [Act 378], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Stamp Duty (Exemption) (No. 6) Order 2003**.
- (2) This Order comes into operation on 1 June 2003.

Interpretation

2. In this Order, unless the context otherwise requires –

“residential property” includes houses, condominium units, apartments and flats built as a dwelling house;

“housing developer” means a housing developer licensed under the Housing Development (Control and Licensing) Act 1966 [Act 118];

“statutory body” means a body incorporated under State or federal law;

“co-operative society” means a co-operative society registered under the Co-operative Societies Act 1993 [Act 502] and Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Special Provisions) established under Act 202;

“insurance company” means an insurance company registered under the Insurance Act 1996 [Act 553].

Exemption

3. The following instruments relating to the purchase of residential property costing not more than RM180,000 per unit from a housing developer or statutory body or co-operative society pursuant to the Sale and Purchase Agreements executed on or after 1 June 2003 but not later than 31 May 2004 are exempted from stamp duty:

- (a) All instruments of Sale and Purchase Agreement executed between the purchaser and the housing developer or statutory body or co-operative society on or after 1 June 2003 but not later than 31 May 2004.
- (b) All instruments effecting the transfer of title of the residential property from the developer or statutory body or co-operative society or the registered land owner to the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a).
- (c) All instruments in the nature of security executed between the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a) and a bank or financial institution or insurance company or co-operative society for money advances to finance the purchase of the residential property.
- (d) All instruments in the nature of security executed between the purchaser named in the Sale and Purchase Agreement in paragraph (a) and an employer under an employee housing loan scheme for money advances to finance the purchase of the residential property.

Made 29 May 2003
[Perb.CR(8.09)248/39/7-217(SJ.1); LHDN.01/34/42/68-180-1(12/03);
PN(PU2)159/XXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS
Second Minister of Finance